

# Kerajaan kaji pasport ke Sabah

Oleh Agoes Kholih

KOTA KINABALU, Ahad — Kerajaan Barisan Nasional (BN) akan mengkaji semula peraturan menggunakan pasport dan melonggarkan peraturan Imigresen bagi rakyat Malaysia bukan penduduk Sabah yang hendak ke negeri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu bertujuan menggalakkan kedatangan pelancong dalam negara ke negeri itu dan merapatkan hubungan di antara penduduk Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.

"Saya percaya pasport ini sudah pun dimansuhkan di masa pemerintahan Berjaya. Apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) memerintah, maka ia cuba mengenakan peraturan tertentu dan kita akan mengkajinya semula.

"Sudah tentu penggunaan pasport ini menghalang pelancong datang ke Sabah, sedangkan kita ingin melihat pelancong dalam negeri melawat Sabah untuk merapatkan hubungan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai penggunaan pasport untuk ke

negeri itu, di sidang akhbar sebelum berlepas ke ibu negara selepas mengadakan lawatan rasmi dua hari mulai semalam.

Pada Oktober 1992, Ketua Menteri Sabah pada waktu itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan, berkata kerajaan negeri bercadang menguatkuasakan semula peraturan pasport bagi penduduk Semenanjung yang ke Sabah bermula tahun ini.

Selain itu, Pairin juga mencadangkan supaya penduduk Labuan yang masuk ke Sabah juga dikenakan peraturan yang sama.

Bagaimanapun, peraturan itu tidak sempat dilaksanakan berikutan pembentukan kerajaan BN di Sabah dan Ketua Menteri yang baru, Tan Sri Sakaran Dandai, sebelum ini berkata kerajaan negeri akan mengkaji keperluan memansuhkan peraturan itu.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat bercadang memansuhkan agensi tertentu di Sabah atau menyerapkannya ke pentadbiran negeri berikutan pembentukan kerajaan BN, Perdana Menteri berkata pada masa ini kerajaan hanya menjalankan kajian ke atas perkara yang perlu diberi keuta-

maan khusus.

"Pada waktu ini tiada apa-apa. Kita perlu buat kajian mengenai apa yang penting dan mana yang perlu kita harus teruskan.

"Yang penting ialah kerjasama rapat antara Kerajaan Pusat dan negeri. Soal kewujudan jabatan tertentu bukan menjadi isu melainkan kalau ianya tidak begitu mustahak," katanya.

Antara agensi Pusat yang diwujudkan di Sabah ketika pemerintahan PBS ialah Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) yang menyalur dan menyelia projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di negeri itu.

Mengenai keutamaan di antara penubuhan sebuah universiti yang dicadangkan dan masalah bekalan air serta elektrik di negeri itu yang meruncing, Dr Mahathir berkata kerajaan mampu melaksanakan kedua-duanya secara serentak.

"Kita boleh buat kedua-duanya, universiti boleh buat, bekalan air dan elektrik kita pun boleh buat.

"Kita akan uruskan sebagaimana kita buat di tempat lain. Jika perlu kita akan swastakan atau kita sediakan peruntukan

yang mencukupi untuk bekalan elektrik dan air," katanya.

Perdana Menteri yang melawat projek padang golf 18 lubang di Karambunai pagi tadi juga ditanya mengenai potensi Sabah dalam industri pelancongan.

Beliau berkata, Sabah mempunyai banyak tempat menarik untuk dimajukan sebagai tarikan pelancong.

"Sabah mempunyai banyak potensi untuk industri pelancongan. Banyak tempat di Sabah begitu indah dan menarik sekali.

"Tiada sebab kita tidak boleh meningkatkan bilangan pelancong ke Sabah. Hanya yang menjadi masalah ialah tiada kemudahan hotel dan rekreasi yang mencukupi," katanya.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, kerajaan akan mempelawa pelabur yang mempunyai kemahiran dan pengalaman, termasuk dari Semenanjung, agar membuat pelaburan di Sabah.

Menurutnya, jika mereka boleh melabur di China atau Vietnam, tidak ada sebab mereka tidak melabur di Sabah yang mempunyai daya tarikan yang tidak kurang daripada negara lain.